


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Maksud Bekalan/Pembangunan 41



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
50,565,450,000	4,035,143,800	0	54,600,593,800

OBJEKTIF

- (i) Mewujudkan satu sistem pendidikan bagi memperkembangkan sepenuhnya potensi setiap individu untuk mencapai aspirasi negara maju menjelang tahun 2020. Untuk mencapai matlamat ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggariskan objektif berikut :
 - (a) Melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu;
 - (b) Melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera;
 - (c) Menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara; dan
 - (d) Memberi peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia.
- (ii) Mencapai satu sistem pengajian tinggi yang bertaraf dunia dan membantu memenuhi aspirasi negara dalam melahirkan bangsa Malaysia yang berpengetahuan luas dalam era globalisasi, mempunyai sahsiah, akhlak dan rohani yang terpuji untuk menjadi sebuah bangsa yang cemerlang, gemilang, dan terbilang sekali gus menyediakan tenaga kerja yang mahir dan profesional

untuk keperluan dalam memacu kemajuan negara selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

PELANGGAN

- (i) Rakyat Malaysia;
- (ii) Tenaga pengajar dan pelajar institusi pengajian tinggi, politeknik dan kolej komuniti;
- (iii) Sektor industri, perniagaan dan perkhidmatan; dan
- (iv) Institusi-institusi dalam bidang-bidang berkaitan dengan pendidikan dan pembangunan negara.

STRATEGI

- (i) Meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan dengan mengkaji pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) supaya menekankan kemahiran berfikir aras tinggi;
- (ii) Memantapkan program sukan dan kokurikulum dengan memperkasakan sukan di sekolah ke arah Satu Murid Satu Sukan (1M1S) dan menggalakkan penglibatan murid-murid yang lebih menyeluruh dalam aktiviti kokurikulum;
- (iii) Memastikan rakyat mendapat peluang yang adil dan saksama tanpa mengira lokasi, kaum, kelompok kurang upaya, orang asli dan suku minoriti lain;
- (iv) Memupuk murid-murid memiliki kemahiran dan keterampilan dengan menerapkan pelbagai kemahiran *hard and soft skills*, membina keterampilan diri yang positif, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni, budi bahasa dan adab;
- (v) Memberi tumpuan kepada penyelenggaraan secara konsisten dan berterusan bagi semua bangunan yang memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil. Tumpuan juga diberi kepada penyelenggaraan bangunan di Kolej Matrikulasi, Institut Perguruan (IPG) dan Pejabat Pelajaran Negeri/Daerah; dan
- (vi) Melaksanakan program-program meningkatkan kecemerlangan pengajian tinggi negara dengan cekap dan berkesan berdasarkan teras strategik yang digariskan dalam PSPTN.

PROGRAM 1 : PENGURUSAN KEMENTERIAN

Aktiviti 1 : Pengurusan Ibu Pejabat Kementerian

(i) Sektor Pelajaran

Objektif – (a) Memberi khidmat pengurusan dan sokongan kepada anggota pentadbiran dan pengurusan tertinggi KPM dengan berkesan dan sempurna; (b) Memberi khidmat pengurusan dan sokongan kepada semua jabatan/bahagian/agensi di bawah KPM; (c) Meningkatkan keberkesanan dan keutuhan pengurusan korporat KPM melalui perancangan dan pengurusan strategik serta pelaksanaan Pelan Komunikasi Korporat KPM; dan (d) Memberi perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan KPM dan pengurusan aduan yang sistematik bagi mencapai kepuasan pelanggan yang optimum.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. lawatan persendirian ke luar negara	5,783	6,000	6,000
Bil. penyewaan ruang pejabat	9	9	9
Bil. pengurusan pas keselamatan	1,100	1,180	1,180
Bil. Buku Laporan Tahunan	1,000	1,000	1,000
Bil. Buletin KPM	50,000	25,000	25,000

(ii) Sektor Pengajian Tinggi

Objektif – (a) Mempertingkatkan keupayaan KPM sebagai teras dalam memimpin, mengurus dan menguatkuasakan peraturan dan dasar serta memudahkan cara dan memantau pelaksanaan demi menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa; (b) Mewujudkan kerjasama yang padu dengan semua institusi pengajian awam dan swasta serta badan-badan lain yang terlibat untuk mengantarabangsakan sistem pendidikan tinggi tempatan; dan (c) Melaksanakan pembangunan infrastruktur Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang seimbang berdasarkan kepada keutamaan projek yang diluluskan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. kursus dan latihan dianjurkan	276	251	251
Bil. baucar bayaran disediakan	14,000	15,000	15,000
Bil. permohonan pinjaman komputer/ kenderaan diproses	215	250	300
Bil. aktiviti promosi KPM diadakan	1,034	1,380	1,680

(iii) Pengurusan Dasar dan Hubungan Antarabangsa

Objektif – (a) Memastikan keberkesanan penglibatan Malaysia dalam program dan aktiviti pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan serantau; (b) Meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan khususnya dengan negara-negara yang telah menandatangani perjanjian kerjasama; (c) Meningkatkan imej dan kepimpinan negara melalui penyertaan dan sumbangan yang berkesan kepada pertubuhan-pertubuhan dan negara-negara yang berkaitan; (d) Memastikan keberkesanan usaha-usaha KPM untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan di rantau Asia Pasifik; dan (e) Memastikan kelancaran urusan pengurusan dan penyelarasan Memorandum Jemaah Menteri (MJM), Nota Jemaah Menteri (NJM), maklum balas Mesyuarat Jemaah Menteri di samping menguruskan Mesyuarat

Pengurusan KPM, Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri KPM, Mesyuarat Ketua-ketua Bahagian KPM serta beberapa mesyuarat jawatankuasa peringkat KPM.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. persidangan/bengkel/seminar anjuran pertubuhan serantau dan antarabangsa yang dihadiri	38	39	40
Bil. perjanjian persefahaman (MoU) yang ditandatangani dengan negara luar dan Mesyuarat Kerjasama Bersama (JWG) diadakan	23	27	27
Bil. pakar-pakar yang ditempatkan dan dijemput oleh negara/agensi di peringkat antarabangsa	4	6	7
Bil. tindakan susulan terhadap maklum balas/laporan/mesyuarat peringkat Jemaah Menteri dan Pengurusan Tertinggi	1	1	1

Aktiviti 2 : Pengurusan Kewangan dan Akaun

(i) Perolehan dan Pengurusan Aset

Objektif – (a) Merancang dan mengurus program/aktiviti perolehan bekalan dan perkhidmatan selaras dengan dasar-dasar Kerajaan bagi memenuhi keperluan institusi pendidikan; (b) Menyelaras dan memantau pengurusan aset-aset Kerajaan mengikut prosedur dan peraturan yang sedang berkuat kuasa; dan (c) Memantau dan menilai program/aktiviti perolehan bekalan, perkhidmatan dan aset di peringkat agensi.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. kerusi dan meja yang dibekalkan	500,000	500,000	500,000
Bil. pelaksanaan perolehan bekalan	50	45	45
Bil. pelaksanaan perolehan perkhidmatan	1,576	1,064	1,000
Bil. pengemaskinian data aset dan inventori, stok, pelaksanaan pelupusan, penyelesaian hapus kira dan penyelesaian kes kehilangan aset alih Kerajaan	3,780	4,842	5,000
Bil. maklumat hartanah yang didaftarkan	6,000	10,000	14,000

(ii) Pengurusan Kewangan

Objektif – (a) Merancang, melaksana, mengawal dan menilai pengurusan kewangan KPM supaya diuruskan secara cekap, ekonomik dan berkesan; (b) Menentukan peruntukan kewangan yang disediakan diurus dan dibelanjakan secara optimum; (c) Memastikan pelaksanaan pengurusan kewangan mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan; (d) Melaksanakan pengurusan kewangan secara cekap, ekonomik dan berkesan; dan (e) Memberi khidmat nasihat pengurusan kewangan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. jenis bantuan persekolahan	25	25	25
Bil. siasatan kes Arahan Perbendaharaan 59 (AP59) dan naziran	25	25	25
Bil. cek pengurusan hasil dan terimaan	27,780	20,500	20,500

PRESTASI AKTIVITI

Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. permohonan kelulusan pakej	7,088	6,500	6,500
Bil. waran penyaluran peruntukan program dan aktiviti KPM	4,500	4,500	4,500

(iii) Akaun

Objektif – (a) Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan melalui penyediaan perkhidmatan dan perundingan yang efisien demi mencapai objektif KPM; (b) Memastikan pembayaran dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan dan akaun diselenggara dengan teratur; (c) Memastikan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (eSPKB) dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ); (d) Memastikan semua transaksi kewangan yang diperakaunkan mematuhi tatacara, arahan dan undang-undang yang berkuat kuasa melalui program audit tunai serta pemantauan dan naziran; (e) Memberi khidmat nasihat dan mengawal selia pematuhan Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling-pekeliling berkaitan; dan (f) Mewujudkan sistem kewangan dan perakaunan sekolah yang berintegriti dan seragam serta mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. baucar pembayaran disediakan	4,806	5,500	5,600
Bil. cek/ <i>Electronic Fund Transfer (EFT)</i>	534,160	710,000	710,000
Bil. akaun amanah diselenggara	62	73	78
Bil. PTJ yang melaksanakan sistem eSPKB	1,512	1,564	1,570

Aktiviti 3 : Pengurusan Sumber Manusia**(i) Pengurusan Sumber Manusia**

Objektif – (a) Menyediakan struktur organisasi yang mantap dengan bilangan personel di tahap optimum melalui pewujudan dan pengisian jawatan mengikut keperluan dan norma perjawatan yang ditetapkan; (b) Merancang dan membangunkan sumber manusia bagi memenuhi keperluan organisasi selaras dengan Dasar Pendidikan Negara; (c) Memupuk dan menerapkan nilai-nilai murni bagi meningkatkan integriti dan jati diri KPM ke arah melahirkan iklim organisasi yang harmonis; (d) Merancang, mengurus dan melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP); dan (e) Mengurus hal-hal perkhidmatan dan kemudahan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Anggota Kumpulan Pelaksana.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Peratus pengisian penuh (%)	90	90	90
Peratus perjawatan yang optimum dan keajaiban (%)	100	100	100
Bil. sumber manusia yang kompeten	411	435	442
Bil. perancangan dan pelaksanaan aktiviti sumber manusia yang mantap	8	10	10

(ii) Pembangunan dan Penilaian Kompetensi

Objektif – (a) Melaksanakan penilaian dan pembangunan kompetensi dan potensi secara cekap, berintegriti dan berakauntabiliti; (b) Menyediakan profil dan standard kompetensi yang memenuhi keperluan penilaian dan pembangunan kompetensi dan potensi berasaskan tugas dan tempat kerja (*job-based and work place*); (c) Menyediakan standard kualiti dan melaksanakan penguatkuasaan pematuhannya dalam penilaian dan pelaksanaan program pembangunan kompetensi dan potensi; (d) Menggubal sukatan Peperiksaan Perkhidmatan Awam yang dapat memenuhi keperluan pelaksanaan Peperiksaan Perkhidmatan Awam; dan (e) Melaksanakan Peperiksaan Perkhidmatan Awam secara cekap, berintegriti dan berakauntabiliti.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. program yang diperakukan kepada Lembaga Penilaian Kompetensi	2	2	2
Bil. kekerapan urusan penilaian kompetensi dan potensi yang dilaksanakan	1	1	2
Bil. anggota yang mendaftar dan menduduki peperiksaan perkhidmatan	7,600	11,000	11,000

(iii) Psikologi dan Kaunseling

Objektif – (a) Merancang, menggubal, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar, garis panduan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam perkhidmatan awam di KPM; (b) Menyediakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling untuk kesejahteraan modal insan sama ada secara individu, organisasi dan komuniti; (c) Memberi kesedaran kepada warga KPM akan kepentingan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam menguruskan kehidupan seharian; (d) Meningkatkan pengetahuan dan kecekapan pegawai kaunseling ke tahap optimum dan berterusan; (e) Memberikan pendidikan kesihatan mental dan fizikal kepada warga KPM; (f) Menyediakan pelan laluan kerjaya kepada kaunselor KPM selaras dengan rakan profesional yang lain; (g) Melaksanakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling berteraskan etika dan menepati peruntukan perundangan; dan (h) Melestarikan kelangsungan perkhidmatan kaunseling kepada *stakeholders*.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. perkhidmatan khidmat kaunseling	868	1,500	2,500
Bil. perkhidmatan khidmat runding	668	800	1,200
Bil. laporan pegawai berprestasi rendah/bermasalah yang dirujuk	45	60	120
Bil. program 3P (Pencegahan, Pemulihan dan Pengembangan)	40	55	100
Bil. penyelidikan dan pembangunan	6	8	10

Aktiviti 4 : Audit

Objektif – (a) Membantu pengurusan atasan KPM mempertingkatkan tahap pematuhan pengurusan kewangan di kalangan PTJ; (b) Menentukan pelaksanaan program dan aktiviti diurus dengan ekonomik, cekap dan berkesan serta menentukan keberkesanan pelaksanaan dan meningkatkan kecekapan penggunaan ICT di kementerian dan agensi di bawahnya; (c)

Melaporkan penemuan pengauditan kepada Ketua Setiausaha KPM melalui laporan/pemerhatian audit; dan (d) Mengesyorkan tindakan pembetulan bagi tujuan penambahbaikan dalam program-program yang tidak menepati objektif, perancangan, piawaian dan ketidakpatuhan peraturan kewangan dan peraturan-peraturan lain yang ditetapkan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. sijil audit dan laporan audit sekolah	9,475	9,500	9,600
Bil. laporan pengauditan kewangan	1,147	1,565	1,140
Bil. laporan pengauditan ICT	5	8	5
Bil. laporan pengauditan khas/siasatan	35	20	20
Bil. lawatan pengauditan bersepadu	810	880	400

Aktiviti 5 : Pentadbiran Negeri

Objektif – Meningkatkan tahap pengurusan profesional khidmat sokongan di jabatan, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)/Pejabat Pelajaran Gabungan Daerah, Pejabat Pelajaran Daerah Kecil (PPDK) dan sekolah dalam aspek pengurusan pentadbiran kewangan, pembangunan, rekod, keselamatan, kebersihan, kurikulum, kokurikulum dan persekitaran selaras dengan peraturan-peraturan pentadbiran dan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. baucar bayaran yang diuruskan	450,000	527,894	617,636
Bil. akaun sekolah yang dipantau	2,350	2,352	2,355
Bil. buku rekod perkhidmatan yang dikemas kini	190,500	197,749	205,264
Bil. bengkel/kursus	2,010	2,053	2,097
Bil. kursus kejurulatihan (TOT)	75	80	85

PROGRAM 2 : OPERASI PENDIDIKAN

Aktiviti 1 : Pendidikan Awal

Objektif – Menyediakan pengalaman pembelajaran kepada murid-murid yang berumur antara empat (4) hingga enam (6) tahun bagi menyuburkan potensi mereka dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. menguruskan mesyuarat/taklimat/kursus/seminar/bengkel pemantapan pengurusan prasekolah kepada pentadbir	60	65	65
Bil. kelas yang diberikan kemudahan pengajaran dan pembelajaran (P&P) prasekolah	8,671	8,889	8,899
Bil. murid yang menerima peruntukan Bantuan Makanan mengikut senarai yang ditetapkan	187,603	210,119	213,576
Bil. murid yang menerima peruntukan Bantuan Geran Perkapita	187,603	210,119	213,576
Bil. aktiviti prasekolah	440	645	600

Aktiviti 2 : Pendidikan Rendah

(i) Pengurusan Sekolah Harian

Objektif – (a) Mengurus dan menyelaraskan semua aktiviti pendidikan awal kanak-kanak, prasekolah, rendah, menengah dan asrama untuk memastikan kejayaan pelaksanaan program dan dasar pendidikan; dan (b) Memastikan pelaksanaan pentadbiran dan pengurusan pendidikan yang dikendalikan oleh semua pusat pendidikan awal kanak-kanak KPM termasuk Pusat Khas PERMATA, prasekolah, rendah dan menengah mencapai hasrat dan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. penempatan guru rendah	9,000	9,500	9,700
Bil. penempatan guru menengah	9,000	9,500	9,700
Bil. pertukaran guru antara negeri (rendah)	6,236	6,500	6,700
Bil. pertukaran guru antara negeri (menengah)	4,700	5,500	5,700
Bil. Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Pendidikan	440	440	440

(ii) Pendidikan Rendah

Objektif – Menyediakan pendidikan asas kepada kanak-kanak dalam tempoh lima (5) hingga tujuh (7) tahun supaya dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira bagi melengkapkan diri untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat menengah, juga untuk menjadikan mereka warganegara yang berpengetahuan, berdisiplin, bertanggungjawab dan berdikari selaras dengan Dasar Pendidikan Negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. murid sekolah rendah yang menerima P&P	2,859,921	3,349,957	3,400,000
Bil. murid Tahap 2 yang terlibat dengan aktiviti kokurikulum	743,579	876,858	900,000
Bil. guru ganti di sekolah	4,836	5,405	5,500
Bil. guru terlatih di sekolah	232,095	610,244	620,000
Bil. sekolah yang diselenggara	7,709	7,746	7,750

(iii) Pendidikan Khas

Objektif – (a) Memperluas peluang pendidikan, memperkasa dan menilai keberkesanan program pendidikan khas; (b) Membentuk sahsiah dan mempertingkatkan potensi diri murid berkeperluan khas, Program Pendidikan Khas Integrasi dan Program Inklusif; (c) Mempertingkatkan kompetensi pengurus, pentadbir, guru dan anggota kumpulan sokongan pendidikan khas melalui program latihan dalam dan luar negara; (d) Memastikan sumber manusia mencukupi, terlatih dan berkemahiran untuk melaksanakan Program Pendidikan Khas; dan (e) Mempertingkatkan kemudahan infrastruktur, infostruktur, peralatan khas, bahan pengajaran dan pembelajaran serta perkhidmatan sokongan yang sesuai dan relevan bagi murid berkeperluan khas.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Peratus murid berkeperluan khas ditempatkan di sekolah dan program pendidikan khas integrasi (%)	75	80	90
Bil. penyertaan murid berkeperluan khas dalam aktiviti sukan dan kokurikulum	4,750	4,988	5,220
Bil. guru pendidikan khas yang kompeten dan mengikut opsyen	22,643	26,040	29,211
Bil. tenaga kepakaran pendidikan khas yang ditempatkan di pusat sokongan mengikut keperluan dan bidang	28	28	199
Bil. sekolah dinaik taraf dengan kemudahan infrastruktur mengikut piawaian mesra orang kurang upaya (OKU)	379	200	206

(iv) Kokurikulum dan Kesenian

Objektif – (a) Merancang dan melaksanakan dasar berkaitan kokurikulum, sekolah seni dan pusat kokurikulum dalam pelbagai peringkat; (b) Merancang, melaksana, memantau dan menilai pelaksanaan aktiviti kokurikulum dan kesenian murid pada peringkat antarabangsa, kebangsaan dan negeri; (c) Merancang, melaksana, memantau dan menilai pelaksanaan pengurusan dan pengoperasian Sekolah Seni Malaysia; (d) Merancang, menyelaraskan, memantau dan menilai pelaksanaan pengurusan dan pengoperasian pusat kokurikulum; (e) Merancang, mengurus dan memantau pengiktirafan dan penghargaan terhadap murid dan guru dalam aktiviti kokurikulum; dan (f) Merancang dan melaksanakan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam pelaksanaan program kokurikulum dan kesenian.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. peningkatan penyertaan murid dalam kegiatan kokurikulum peringkat kebangsaan	90,114	90,800	91,600
Bil. penyertaan murid dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan di peringkat kebangsaan	622	650	680
Bil. penyertaan murid dalam aktiviti pertandingan kesenian nasional, <i>regional</i> dan antarabangsa	220	250	290
Bil. pengambilan pelajar sekolah seni	570	563	705

Aktiviti 3 : Pendidikan Menengah

(i) Pendidikan Menengah

Objektif – Menyediakan kemudahan pendidikan kepada murid-murid dari Tingkatan Peralihan hingga ke Tingkatan Enam (Atas) dalam lingkungan umur dua belas hingga dua puluh tahun meliputi aspek kurikulum dan kokurikulum untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek selaras dengan matlamat falsafah Dasar Pendidikan Kebangsaan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. guru terlatih di sekolah	203,169	233,644	240,000
Bil. murid di sekolah menengah	2,456,756	2,628,729	2,700,000
Bil. sekolah yang diselenggara	2,296	2,492	2,500
Bil. guru ganti di sekolah	6,848	5,975	6,000

(ii) Asrama

Objektif – Menyediakan kemudahan tempat tinggal yang kondusif dan makanan yang seimbang kepada semua penghuni yang terdiri daripada murid-murid miskin, rumah jauh dari sekolah, sukar mendapat pengangkutan dan menghadapi ancaman keselamatan supaya mereka dapat meneruskan persekolahan dengan sempurna selaras dengan Akta Pendidikan 1996.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. asrama	1,430	1,450	1,500
Bil. asrama yang dibaik pulih	425	430	434
Bil. penghuni asrama	270,400	270,495	280,050
Bil. harta modal yang dibekalkan	96,990	97,030	97,050
Bil. murid yang terlibat dengan aktiviti kokurikulum	27,200	27,274	27,600

(iii) Pendidikan Islam

Objektif – (a) Meningkatkan kualiti Pendidikan Islam untuk melahirkan murid-murid yang berilmu pengetahuan, bersahsiah tinggi dan berakhlak mulia dalam semua aspek dan melahirkan modal insan yang cemerlang dan mampu mengamalkan cara hidup yang berteraskan Islam dalam kehidupan; (b) Meningkatkan kualiti pengurusan dan perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan cekap dan teratur, termasuk pemantapan kemahiran serta keterampilan guru-guru Bahasa Arab dalam pembelajaran dan pengajaran; (c) Meningkatkan kualiti perkhidmatan sistem maklumat Pendidikan Islam yang telus dan tepat, dilaksanakan dengan lebih mudah, cepat dan berkesan; dan (d) Meningkatkan kualiti dakwah, penghayatan Islam dan nilai-nilai murni secara berhikmah di kalangan pegawai, guru, kakitangan pendidikan dan murid untuk membantu keberkesanan Pendidikan Islam.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. mesyuarat/aktiviti/pemantauan yang dilaksanakan	15	15	15
Bil. mesyuarat/aktiviti yang dilaksanakan	32	32	32
Bil. mesyuarat/aktiviti/penempatan/pertukaran guru yang dilaksanakan	4	5	6
Bil. kursus/taklimat/bengkel/seminar yang dilaksanakan	5	5	5

(iv) Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan

Objektif – (a) Meningkatkan pencapaian akademik, sukan dan kokurikulum dalam kalangan murid-murid di Sekolah Berasrama Penuh; (b) Meningkatkan kemahiran insaniah murid-murid Sekolah Berasrama Penuh agar menjadi insan yang beriman, berakhlak mulia, berketerampilan dan sejahtera; (c) Melonjakkan kecemerlangan Sekolah Kluster Kecemerlangan dalam bidang Kebitaran (*niche area*); (d) Meningkatkan keberkesanan program jalinan dan jaringan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kluster Kecemerlangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; (e) Memastikan prasarana sekolah dan asrama dalam keadaan baik dan kondusif kepada murid-murid; dan (f) Memastikan penempatan dan pertukaran guru berdasarkan keperluan opsyen di Sekolah Berasrama Penuh.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. enrolmen murid Sekolah Berasrama Penuh	41,000	42,000	43,000
Jum. tahap Gred Purata Sekolah (GPS) Sekolah Berasrama Penuh bagi Penilaian Menengah Rendah (PMR)	1.1	1.1	1.1
Jum. tahap Gred Purata Sekolah (GPS) Sekolah Berasrama Penuh bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	1.8	1.7	1.6
Peratus penglibatan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Berprestasi Tinggi dalam program jalinan dan jaringan dalam dan luar negara (%)	100	100	100
Peratus kadar kejayaan murid dalam aktiviti kokurikulum bagi pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa (%)	28	31	35

(v) Sukan

Objektif – (a) Merancang program pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M1S) bagi meningkatkan penglibatan dan penyertaan murid; (b) Merancang program pembangunan sukan sekolah bagi melahirkan murid yang sihat dan cergas; (c) Merancang program pembangunan sukan ke arah sukan prestasi tinggi; (d) Merancang, melaksana dan menilai keberkesanan pelaksanaan program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS) sedia ada dan menentukan dasar baru; (e) Menyediakan program latihan pembangunan Sukan Untuk Semua di sekolah bagi melahirkan masyarakat yang berbudaya sukan dan mewujudkan integrasi nasional; dan (f) Memantau dan menilai keberkesanan program 1M1S di sekolah di seluruh negara serta membantu sekolah dari segi nasihat dan tunjuk ajar tentang melaksanakan program tersebut.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. penyertaan dalam Dasar 1M1S	5,799,726	5,277,750	5,805,525
Bil. peningkatan penyertaan pelajar dalam 24 jenis sukan yang sedia ada dalam kalendar pertandingan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM)	12,256	12,450	12,500
Bil. peningkatan penyertaan pelajar dalam Program Bola Jaring	1,371	1,680	1,791
Bil. peningkatan penyertaan pelajar dalam Program Bola Sepak	2,268	2,430	2,430
Bil. penglibatan guru Pendidikan Jasmani dan Sukan dalam pembangunan sukan negara :			
(i) Sekolah Rendah	3,960	3,800	4,180
(ii) Sekolah Menengah	5,390	5,100	5,610

(vi) Pendidikan Swasta

Objektif – (a) Mengkonsepkan dasar, memantapkan perundangan dan peraturan-peraturan pendidikan swasta serta merancang menentukan hala tuju pendidikan swasta; (b) Menguruskan penubuhan dan pendaftaran institusi pendidikan; (c) Menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan pengawalseliaan yang berkaitan dengan pendidikan swasta; (d) Mengendalikan pengurusan data dan maklumat pendidikan swasta; (e) Mengendalikan aktiviti berkaitan promosi pendidikan ke arah menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan; dan (f) Melantik pegawai-pegawai pendidikan di peringkat

pusat, negeri dan daerah sebagai Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru, Penolong Pendaftar Institusi Pendidikan dan Penolong Pendaftar Guru di bawah Akta Pendidikan 1996.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. pengemaskinian dasar-dasar dan peraturan pendidikan swasta	7	9	9
Bil. penubuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) kecuali pusat tuisyen dan tadika	129	115	125
Bil. institusi yang dikawal selia	336	495	600
Bil. promosi pendidikan swasta	8	10	12
Bil. cetakan buku data IPS	2	2	2

(vii) Pendidikan Teknikal

Objektif – (a) Mengembangkan bakat dan potensi murid bagi melahirkan modal insan yang kreatif, inovatif dan berdaya saing; (b) Melahirkan tenaga kerja yang mahir dan separa mahir untuk memenuhi keperluan negara dan industri yang boleh memenuhi aspirasi negara ke arah pembentukan masyarakat berpendapatan tinggi dan mencapai Wawasan 2020; (c) Menyediakan peluang kepada murid untuk meningkatkan kemahiran dan laluan ke arah pendidikan profesionalisme; (d) Menyediakan prasarana Pendidikan Teknikal dan Vokasional yang menyeluruh, bersepadu dan berkualiti; (e) Melaksanakan program-program bagi meningkatkan prestasi pengajaran guru dan pencapaian akademik murid; (f) Melaksanakan program pembangunan kejurulatihan guru Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) dan kakitangan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan tahap profesionalisme mereka; dan (g) Mengurus pengoperasian Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Sekolah Menengah Teknik/Vokasional atau Kolej Vokasional.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. pelajar teknik dan vokasional	45,304	45,111	45,111
Bil. guru teknik dan vokasional	6,460	7,817	7,817
Bil. kertas kerja mengenai dasar berkaitan hubungan industri	6	6	6
Bil. dokumen pemantapan pelaksanaan projek pembangunan	30	30	30
Bil. program perkembangan kakitangan kurikulum teknikal dan vokasional	30	30	30

Aktiviti 4 : Pendidikan Lepas Menengah

(i) Pengurusan Pendidikan Matrikulasi

Objektif – Menyediakan satu platform kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang cemerlang sebagai persediaan memasuki institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara dengan matlamat mencapai aspirasi berikut : (a) Melahirkan modal insan yang berakhlak mulia, berilmu, kreatif dan inovatif, berdaya saing dan berketerampilan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan; (b) Membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia; (c) Meningkatkan kualiti pelajar melalui peningkatan kualiti tenaga pengajar dan kualiti kurikulum; (d) Memperluas jaringan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi

dalam dan luar negara; dan (e) Melonjakkan kecemerlangan program matrikulasi di dalam dan luar negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	27,158	27,500	28,000
Bil. pelajar yang ditawarkan Skim Latihan Tenaga Pengajar Program Matrikulasi di luar negara untuk kursus <i>Post Graduate Certificate of Education</i> (PGCE)	26	-	40
Bil. peperiksaan yang dijalankan	10	12	12
Bil. aktiviti utama pelajar yang dilaksanakan	20	25	25
Bil. latihan pembangunan sumber manusia yang dijalankan	8	10	12

(ii) Pengajian Politeknik

Objektif – (a) Mengkonsepsi dan merealisasikan dasar dan hala tuju sistem pengajian politeknik dari segi pembangunan dan pengurusan institusi, program kursus, latihan kakitangan dan penjaminan kualiti sesuai dengan keperluan negara; (b) Merancang dan melaksanakan program latihan dan kerjaya kakitangan; (c) Merancang, memantau dan mengawal pembangunan fizikal politeknik serta keperluan peralatan bukan akademik; dan (d) Merancang, melaksana, memantau dan menambah baik dasar pengambilan dan penempatan pelajar, pengurusan hal ehwal dan kebajikan pelajar serta pelaksanaan dasar penilaian dan peperiksaan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. politeknik konvensional	24	24	24
Bil. politeknik metro	3	3	5
Bil. politeknik premier	3	3	3
Bil. enrolmen pelajar	92,148	88,165	92,165
Bil. lulusan sijil dan diploma	27,286	32,276	30,000

(iii) Pengajian Kolej Komuniti

Objektif – (a) Menyediakan pendidikan dan latihan kemahiran kepada semua peringkat masyarakat; (b) Menganjur dan menyediakan pembelajaran sepanjang hayat untuk menjadikan komuniti berpengetahuan (*k-community*); (c) Menganjur dan menyediakan latihan peningkatan kemahiran (*up-skilling*), latihan penempatan kemahiran (*re-skilling*) dan latihan sangkutan (*attachment training*) untuk keperluan tenaga kerja setempat; (d) Mewujud dan menganjurkan rangkaian strategik dan pakatan strategik dengan komuniti setempat dan *stakeholders*; dan (e) Menyediakan kemudahan, perkhidmatan dan sistem pembelajaran yang kondusif dan berkualiti.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. kolej komuniti	84	83	92
Bil. enrolmen pelajar kolej komuniti	22,380	23,330	25,280
Bil. penyertaan kursus pendek	206,361	200,000	200,000
Bil. kursus pendek	10,013	10,000	10,000
Bil. lulusan kolej komuniti	5,727	12,909	13,489

Aktiviti 5 : Pendidikan Tinggi

(i) Pengurusan IPTA dan Khidmat Pengurusan

Objektif – (a) Memantapkan hala tuju jabatan melalui sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan; (b) Memantapkan pengurusan kemasukan pelajar IPTA, kurikulum dan hala tuju akademik IPTA serta menggubal dan memantau pelaksanaan dasar pengajian tinggi negara; (c) Membangunkan sekurang-kurangnya 10 buah pusat kecemerlangan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dari segi hasil penyelidikan, hak cipta, penerbitan, kerjasama penyelidikan dan pengkomersialan hasil penyelidikan; dan (d) Meningkatkan program dan aktiviti pemasaran pendidikan, hubungan industri, penyelidikan dan pengkomersialan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. prosesan permohonan kemasukan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia ke IPTA	309,207	320,000	340,000
Bil. penghasilan harta intelek dalam aktiviti pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan (R&D) IPTA	8,375	2,190	2,190
Bil. proses dan syor calon yang dilantik sebagai Pegawai Utama IPTA	149	160	170
Bil. pelaksanaan program pemasaran pendidikan	71	80	90

(ii) Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Swasta

Objektif – (a) Memantapkan urusan pendaftaran berkaitan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan menilai pelaksanaan piawaian IPTS; (b) Mengawal selia dan menguat kuasa pematuhan IPTS terhadap peruntukan perundangan pengajian tinggi swasta; dan (c) Memantau dan menilai pelaksanaan dasar berhubung pengajian tinggi swasta.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. penubuhan/naik taraf IPTS	53	16	16
Bil. IPTS yang telah disiasat untuk tindakan perundangan	31	40	40
Bil. IPTS yang dipantau dan diselia	430	473	300
Bil. kajian berkaitan dasar dan hala tuju pendidikan tinggi swasta yang dihasilkan	5	7	9

PROGRAM 3 : PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN ILMU

Aktiviti 1 : Pembangunan Kurikulum

Objektif – (a) Memantapkan kandungan kurikulum berdasarkan sumber-sumber baru supaya lebih sesuai dan relevan dengan hasrat dan keperluan semasa; (b) Mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan kurikulum; (c) Melaksanakan pemantauan bagi penambahbaikan kurikulum; dan (d) Mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. dokumen standard	163	450	450
Bil. peserta kursus dalam penyebaran kurikulum	3,974	5,856	6,000
Bil. laporan penghasilan pelaksanaan kurikulum	4,210	2,200	2,500
Bil. penghasilan bahan sokongan kurikulum	326	460	550
Bil. penyelidikan dan penilaian kurikulum	363	396	450

PROGRAM 4 : PEMBANGUNAN PROFESIONALISME

Aktiviti 1 : Latihan Pra Perkhidmatan

Objektif – (a) Menyediakan guru baru yang kompeten dan terlatih bagi memenuhi keperluan guru/tenaga pengajar prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, IPS, kolej vokasional, matrikulasi dan agensi luar KPM; (b) Melaksanakan latihan berterusan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan bagi meningkatkan tahap akademik guru; dan (c) Menyediakan latihan berterusan kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Institut Pendidikan Guru (IPG), Institut Aminuddin Baki (IAB), Kolej Matrikulasi, Kolej Vokasional dan *English Teaching Centre* (ELTC) bagi meningkatkan tahap profesionalisme dalam melaksanakan tugas menerusi program kolaborasi dan juga konsultasi.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. guru baru yang kompeten	56,846	75,000	73,000
Bil. guru pelatih yang terlatih kompeten :			
(i) Cemerlang	953	1,000	2,000
(ii) Kepujian	1,310	3,497	4,000
Bil. pensyarah IPG, IAB dan Matrikulasi yang kompeten dan berwibawa yang menepati keperluan ikhtisas	30,683	30,384	30,500

Aktiviti 2 : Latihan Dalam Perkhidmatan

Objektif – (a) Meningkatkan profesionalisme guru terlatih melalui Program *Continues Professional Development* (CPD); (b) Menambah bilangan tenaga kepakaran di kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran di dalam dan luar negara; (c) Meningkatkan kualiti program latihan dalam perkhidmatan guru, pegawai Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan pensyarah *English Language Teaching Centre* (ELTC); (d) Melaksanakan program khas bagi peserta kursus dalam dan luar negara; dan (e) Merancang, mengendalikan dan memantau pelaksanaan Program Penghantaran Pelajar Cemerlang ke Universiti Terkemuka Luar Negara Bagi Perkhidmatan Pendidikan (PPC).

PRESTASI AKTIVITI

Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. pengambilan Guru Pelatih Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) Prasekolah (Kemas/Perpaduan)	890	900	900
Bil. pengambilan Guru Pelatih KDPM Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (Kursus Dalam Cuti, KDC)	500	500	500

PRESTASI AKTIVITI			
Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. pengambilan Guru Pelatih KDPM Pengajian Cina (KDC)	500	-	731
Bil. pengambilan Guru Pelatih Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) Sekolah Rendah Bahasa Cina (KDC)	300	800	800
Bil. Kursus Sijil Perguruan Khas (KSPK)	273	500	500

Aktiviti 3 : Latihan Kepimpinan

(i) Institut Aminuddin Baki

Objektif – (a) Mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran, keyakinan dan sikap positif di kalangan pemimpin pendidikan dan bakal pemimpin pendidikan di peringkat sekolah, PPD, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan KPM melalui program latihan dalam perkhidmatan supaya tahap pengurusan dan kepimpinan lebih cekap dan berkesan; (b) Melaksanakan program taksiran kompetensi pemimpin pendidikan dengan menggunakan instrumen Kompetensi Pemimpin Sekolah (KOMPAS) secara atas talian; (c) Menjalankan kajian keperluan dan kajian impak latihan supaya kursus-kursus dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan; (d) Memberi khidmat nasihat kepada pengurus-pengurus pelajaran di peringkat sekolah, PPD, JPN dan KPM bertujuan mengurangkan masalah dalam pengurusan sekolah; (e) Memberi khidmat nasihat dan latihan kepada peserta-peserta antarabangsa dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pelajaran melalui usaha sama dengan agensi luar negara; dan (f) Meningkatkan tubuh ilmu pengurusan dan kepimpinan pendidikan.

PRESTASI AKTIVITI			
Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. latihan	340	889	1,025
Bil. peserta latihan	10,421	21,769	29,000
Bil. penyelidikan	10	10	10
Bil. konsultasi ke sekolah	-	350	350
Bil. peserta pentaksiran	-	413	6,000

(ii) Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT)

Objektif – (a) Mengukuhkan tadbir urus dan organisasi institusi pengajian tinggi melalui latihan, khidmat nasihat dan program bimbingan yang direka khusus untuk pengurusan tertinggi dan pertengahan bagi membangunkan kepakaran kepimpinan yang strategik dan efektif; (b) Melahirkan budaya menghasilkan penyelesaian yang kreatif dan inovatif kepada isu-isu kritikal berkaitan dengan kepimpinan pengajian tinggi menerusi penyelidikan efektif; (c) Menyediakan program membangunkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang inovatif di institusi pengajian tinggi; (d) Mewujudkan kesedaran dan menyediakan maklumat berkenaan dengan penyelidikan yang memberi tumpuan kepada pembentukan landskap pendidikan tinggi; (e) Menggalak dan memudahkan hubungan perjanjian dan kerjasama terbaik peringkat antarabangsa; dan (f) Mempertingkatkan dan mengoptimumkan kompetensi teras AKEPT.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. program kepimpinan yang dianjurkan AKEPT dalam bidang kepimpinan, penyelidikan kepimpinan dan inovasi serta pembelajaran dan pengajaran	82	67	70
Bil. penyelidikan AKEPT	6	6	6
Bil. modul AKEPT	15	5	8
Bil. penerbitan ilmiah AKEPT	5	10	6
Bil. bakal pemimpin IPTA yang telah diprofilkan	200	250	300

PROGRAM 5 : PENGUKUHAN OPERASI PENDIDIKAN

Aktiviti 1 : Pembangunan Infrastruktur

Objektif – Bertanggungjawab membangunkan infrastruktur pendidikan yang telah dirancang dengan kos yang efektif dan menyelaraskan pelaksanaan projek-projek fizikal pendidikan di bawah KPM.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. pemantauan projek	120	125	130
Bil. laporan kemajuan fizikal dan kewangan	120	125	130
Bil. urusan perolehan tanah KPM dan tanah bagi semua projek pembangunan	90	90	90
Bil. pelaksanaan projek pembangunan	65	70	75

Aktiviti 2 : Teknologi Maklumat

(i) Pengurusan Maklumat

Objektif – (a) Menentukan hala tuju, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan inisiatif teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui Jawatankuasa Pemandu ICT (JPIC) KPM; (b) Menyediakan sistem aplikasi ICT yang memenuhi keperluan pelanggan, efektif dan efisien; (c) Menguruskan sistem pemprosesan peperiksaan awam dan memasukkan ke Institut Pendidikan Awam secara efektif; (d) Menyediakan infrastruktur dan kemudahan ICT yang selamat, dipercayai dan tersedia; dan (e) Memberi khidmat nasihat dan sokongan teknikal ICT yang efektif.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. kertas peperiksaan yang diproses	1,676,499	1,700,000	1,300,000
Bil. slip peperiksaan yang dicetak	1,500,541	1,550,000	1,150,000
Bil. sijil atau penyata yang dicetak	904,932	1,030,000	650,000
Bil. permohonan baru perkhidmatan e-mel dan servis rangkaian	653	1,400	1,400
Bil. aduan kerosakan perisian/hardware/server komunikasi di JPN dan kementerian yang diselesaikan	2,602	2,800	3,000

(ii) Pengurusan Teknologi Pendidikan

Objektif – (a) Membudayakan penggunaan ICT dalam teknologi pendidikan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P), keberkesanan pengurusan dan pentadbiran sekolah serta kompetensi guru secara berterusan; (b) Memberi khidmat teknikal kepada murid dan guru dalam penggunaan teknologi pendidikan; (c) Mencari alternatif-alternatif dan inovasi baru teknologi pendidikan yang sesuai bagi kegunaan murid dan guru; (d) Membangunkan bahan teknologi pendidikan yang berkualiti bagi meningkatkan akses ilmu kepada murid dan guru; (e) Meningkatkan kecekapan pengurusan teknikal dan kemudahan pusat sumber sekolah (PSS) terkini bagi menyokong peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran; dan (f) Memberi khidmat konsultasi teknologi peralatan dan inovasi berkaitan peralatan ICT oleh guru dan murid.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. rancangan penyediaan dan penerbitan bahan P&P dalam pelbagai media	700	700	700
Bil. pemantauan/penyelarasan/penilaian pelaksanaan program Sekolah Bestari dan Pembestarian Sekolah	7,000	7,000	7,000
Bil. perkhidmatan meja bantuan ICT di sekolah	10,000	10,000	10,000
Bil. penyelenggaraan ICT di sekolah	6,089	6,089	6,089
Bil. latihan/khidmat bantu/promosi bagi menggalakkan penggunaan teknologi pendidikan dan media	1,000	1,000	1,000

Aktiviti 3 : Bahan Pengajaran dan Pembelajaran

(i) Buku Teks

Objektif – (a) Menguruskan proses perolehan pakej buku teks untuk program Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) KPM; (b) Melaksana dan menyelaras bantuan buku teks di bawah program SPBT kepada semua murid warganegara Malaysia dan dibekalkan ke sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan serta sekolah agama rakyat di seluruh negara; (c) Memastikan pembekalan buku teks di pasaran terbuka mencukupi; (d) Melaksanakan program peningkatan kemahiran penggunaan buku teks secara optimum di kalangan guru dan murid; (e) Melaksanakan kajian dan pembangunan buku teks dan bahan pengajaran dan pembelajaran yang lain; dan (f) Menguruskan proses perolehan dan pembekalan bahan bacaan tambahan, bahan bantu pengajaran dan pembelajaran yang bercetak bagi pusat sumber sekolah di bawah KPM.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. judul buku teks yang dihasilkan	167	111	161
Bil. naskhah buku teks yang dibekalkan ke sekolah di bawah pelaksanaan program SPBT	24,169,268	24,700,000	27,000,000
Bil. pemantauan program SPBT di sekolah	560	350	350
Bil. kursus/bengkel kemahiran penggunaan buku teks/bacaan tambahan	42	51	45

(ii) Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Objektif – (a) Menggalakkan pembentukan norma dan mengadakan kod etika industri buku untuk meningkatkan profesionalisme serta persaingan yang sihat dan adil dengan mengadakan institusi dan peraturan *self-regulation* untuk industri buku; (b) Menggalakkan penyertaan industri buku negara dalam kegiatan pembangunan dan promosi buku di peringkat nasional dan antarabangsa, termasuk yang berkaitan dengan urus niaga hak cipta; (c) Menjalankan usaha memupuk dan menggalakkan minat membaca di kalangan rakyat Malaysia seperti yang termaktub dalam matlamat Dasar Buku Negara serta pembinaan modal insan yang digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 dan Misi Nasional; dan (d) Menggalakkan perkembangan industri buku di Malaysia melalui program dan aktiviti pemasaran dan lain-lain yang dirancang selaras dengan Misi Nasional dan matlamat Wawasan 2020.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. kajian 26,000 Judul	1	1	1
Bil. penyertaan Pesta Buku Antarabangsa	5	5	5
Bil. Kembara Buku 1Malaysia	5	5	5
Bil. Program Pembangunan Profesionalisme	4	4	4

Aktiviti 4 : Pentaksiran

Objektif – (a) Merancang, membina dan mengeluarkan semua jenis dan bentuk pengujian dan pengukuran pendidikan berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara; (b) Mengawal, menyelaraskan dan mengendalikan semua peperiksaan dan penilaian sekolah, peperiksaan dan penilaian pusat dan peperiksaan luar negara yang tidak bercanggah dengan dasar Kerajaan dan kepentingan negara; dan (c) Memberi khidmat bantu, nasihat dan rundingan tentang Sistem Peperiksaan dan Pentaksiran Kebangsaan dan KPM.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. laporan analisis keputusan peperiksaan pusat disediakan	5	5	5
Bil. instrumen pentaksiran dibina dan dikeluarkan	892	1,205	1,210
Bil. instrumen pentaksiran diterbitkan dan diedarkan	21,687,244	23,422,224	24,000,000
Bil. pusat peperiksaan diurus dan dikendalikan	15,723	15,755	15,770
Bil. pelantikan petugas bagi pengoperasian peperiksaan	174,579	148,971	140,000

Aktiviti 5 : Bantuan dan Kebajikan Pendidikan

(i) Pengurusan Tajaan dan Latihan

Objektif – (a) Memastikan pemberian biasiswa, pinjaman dan bantuan kewangan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan pelajar dengan cekap dan adil; (b) Menguruskan kelulusan permohonan cuti belajar, cuti belajar separuh gaji dan cuti belajar tanpa gaji kepada PPP yang melanjutkan pengajian dengan cekap dan sistematik; dan (c) Menguruskan kutipan tuntutan gaji pecah kontrak perjanjian biasiswa, kutipan bayaran balik pinjaman, pelepasan dengan izin dan perpindahan kontrak perjanjian dengan cekap dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. pemberian biasiswa dan pinjaman pelajaran	327	1,519	1,237
Bil. tawaran cuti belajar kepada PPP yang melanjutkan pelajaran	549	474	422
Bil. kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran dan tuntutan ganti rugi pecah kontrak	11,517	11,183	11,878

(ii) Pengurusan Biasiswa

Objektif – (a) Meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti dengan menyediakan program pembiayaan Biasiswa Menteri Pengajian Tinggi dan Biasiswa Sukan serta bantuan kewangan kepada pelajar Program Asasi IPTA, pelajar kolej komuniti dan pelajar bertaraf Orang Kurang Upaya (OKU); (b) Memperkasa institusi pengajian tinggi dengan menyediakan program pembiayaan biasiswa kepada tenaga pengajar di IPTA, politeknik dan kolej komuniti serta pegawai bukan akademik di IPTA; dan (c) Mempergiat pengantarabangsaan dengan menyediakan program pembiayaan kepada pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian di Malaysia melalui biasiswa Komanwel, *Malaysian International Scholarships* (MIS) dan Biasiswa Antarabangsa Malaysia-IDB.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. Skim Latihan Akademi Bumiputera (SLAB)	4,626	3,316	3,382
Bil. Skim Latihan Teknikal Pengajar (SLTP)	249	216	234
Bil. Bantuan Kewangan Asasi IPTA	33,173	33,275	34,000
Bil. Bantuan Kewangan OKU	1,233	1,262	1,286
Bil. Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPPK)	3,238	761	1,055

(iii) Pengurusan Kebajikan Pelajar

Objektif – (a) Memastikan kebajikan pelajar Malaysia di luar negara terjamin melalui kemudahan dan khidmat bantuan yang disediakan oleh Jabatan Penuntut Malaysia; (b) Memastikan program-program pembangunan sahsiah pelajar Malaysia di luar negara yang dilaksanakan dapat melahirkan siswazah yang berketerampilan, holistik serta memenuhi aspirasi negara; (c) Memastikan maklumat mengenai program pengajian, sara hidup dan keselamatan di luar negara dapat membantu pelajar membuat keputusan yang tepat sebelum mengikuti pengajian di luar negara; dan (d) Memastikan pengurusan data dan maklumat yang tepat mengenai pelajar-pelajar di luar negara bagi membantu perancangan sumber tenaga manusia negara.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. program pembangunan holistik pelajar Malaysia di luar negara	67	40	40

PROGRAM 6 : DASAR, PENILAIAN DAN PENGURUSAN PRESTASI

Aktiviti 1 : Dasar Pendidikan

Objektif – Menyediakan maklumat dan data yang tepat bagi pihak pemutus dasar merancang, mengurus dan memantau aktiviti-aktiviti perancangan, penyelidikan dan penilaian dasar pendidikan dengan cekap dan berkesan untuk menghasilkan perancangan pendidikan kebangsaan yang menyeluruh dan bersepadu.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. bengkel/seminar/kursus yang dianjurkan	80	98	100
Bil. penyediaan kertas kerja/cadangan/kajian/ pelan tindakan/kabinet	10	27	27
Bil. penerbitan prosiding/jurnal	5	15	20
Bil. pemantauan/kutipan/verifikasi data	15	42	42
Bil. penyediaan teks ucapan	30	10	10

Aktiviti 2 : Penilaian

Objektif – Memastikan guru, guru besar, pengetua, pensyarah dan institusi pendidikan mematuhi dasar dan peraturan/akta berdasarkan standard kualiti pendidikan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2012 (Sebenar)	2013 (Anggaran)	2014 (Anggaran)
Bil. dapatan pemeriksaan bertema	944	1,000	1,050
Bil. dapatan pemeriksaan khas	2,041	2,050	2,050
Bil. dapatan pemeriksaan biasa (kemenjadian murid)	300	302	302
Bil. calon Guru Cemerlang yang dinilai untuk pelantikan Guru Cemerlang	2,900	5,000	5,000
Bil. calon Pensyarah Cemerlang yang dinilai untuk pelantikan Pensyarah Cemerlang	474	500	500

PROGRAM 7 : MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (MPM)

